



MANUAL KHUTBAH JUMAAT




TAJUK ; REMAJA MUSLIM HEBAT



ISLAMIC SAVOIR-OBEDIENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"REMAJA MUSLIM HEBAT".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ ءَامَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى ﴿١٣﴾ وَرَبَطْنَا عَلَى قُلُوبِهِمْ إِذْ قَامُوا فَقَالُوا رَبُّنَا رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَنْ نَدْعُوا مِنْ دُونِهِ إِلَّا هَا لَقَدْ قُلْنَا إِذَا شَطَطًا ﴿١٤﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	4
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾</p>	4
<p>Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat. Para jemaah diingatkan supaya jangan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.</p>	5
<p>Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk "REMAJA MUSLIM HEBAT".</p>	6



Menurut Islam, remaja adalah golongan yang telah mencapai umur baligh, dikurniakan kecerdasan akal dan memiliki tanggungjawab terhadap taklif syarak. Ini bermakna, pada usia ini, remaja telah memikul kesan perbuatan mereka, dosa dan pahala. Istilah remaja sering dirujuk sebagai pemuda dalam bahasa arab dengan istilah *shabab* (شَبَاب) atau *fata* (فَتَى), al-Quran memberikan perhatian khusus kepada golongan ini sebagai generasi yang membawa harapan dan perubahan.

7

Firman Allah SWT dalam surah al-Anbiya' ayat 59-60, yang menceritakan keberanian Nabi Ibrahim Alaihissalam:

قَالُوا مَنْ فَعَلَ هَذَا بِآلِهَتِنَا إِنَّهُ لَمِنَ الظَّالِمِينَ ﴿٥٩﴾ قَالُوا سَمِعْنَا فَتًى
يَذُكُرُهُمْ يُقَالُ لَهُ وَابْرَاهِيمُ ﴿٦٠﴾

8

"(Setelah melihat kejadian itu) mereka bertanya: Siapakah yang melakukan perbuatan yang demikian terhadap tuhan-tuhan kami? Sesungguhnya adalah ia dari orang-orang yang zalim. (Setengah dari) mereka berkata: Kami ada mendengar seorang anak muda bernama Ibrahim, mencacinya".

9

Untuk melahirkan sebuah negara berperadaban tinggi, generasi muda perlu memiliki keyakinan akidah yang kukuh, melaksanakan kewajipan agama dengan penuh kesedaran sebagai hamba Allah SWT serta mengamalkan akhlak-akhlak Islam dalam setiap aspek kehidupan. Sikap ini sangat penting bagi memastikan mereka mampu membuat keputusan berdasarkan keyakinan, ilmu, keutamaan dan kebijaksanaan selaras dengan ketetapan syarak dan asas taklif agama.

10



<p>Bagaimana pun hari ini, jati diri remaja dilihat semakin terhakis dan pudar. Selain cabaran semasa yang semakin hebat, keyakinan golongan remaja terhadap Islam sebagai cara hidup juga semakin longgar. Remaja kini dilihat sangat cenderung kepada budaya negatif, mengangkat ideologi dan pemikiran baru tanpa pertimbangan ilmu Islam dan prinsip-prinsipnya. Sehingga ada dalam kalangan remaja yang meninggalkan soal asas dan pokok agama khususnya solat lima waktu. Solat bukan sekadar kewajipan utama, tetapi juga tiang agama yang menjadi pembeza antara seorang muslim dan bukan muslim.</p>	11
<p>Remaja Islam perlu diperkasa dengan ilmu al-Quran serta diterapkan dengan panduan mengamalkannya dalam kehidupan. Al-Quran yang turut dinamakan sebagai <i>al-Furqan</i> (pembeza antara yang hak dan batil) memberi inspirasi bahawa remaja Islam mesti berbeza daripada remaja lainnya.</p>	12
<p>Allah SWT berfirman dalam surah al-Furqan ayat 1:</p> <p>تَبَارَكَ الَّذِي نَزَّلَ الْفُرْقَانَ عَلَى عَبْدِهِ لِيَكُونَ لِلْعَالَمِينَ نَذِيرًا ﴿١﴾</p>	13
<p><i>"Maha berkat Tuhan yang menurunkan al-Furqan kepada hamba-Nya (Muhammad), untuk menjadi peringatan dan amaran bagi seluruh penduduk alam."</i></p>	14



Remaja Muslim yang memiliki jati diri perlu berasa bangga dan yakin menjadi seorang Muslim sejati tanpa rasa segan atau malu untuk mengamalkan ajaran agama di mana sahaja berada. Walaupun mungkin dianggap asing oleh kebiasaan remaja lain, mereka tetap teguh dengan keyakinan dan jati diri yang utuh, beramal soleh serta menyelamatkan diri daripada fitnah dan perpecahan. Perbezaan ini seharusnya menjadi proses pematangan diri, bukan sekadar berbeza demi ketaksuban atau kecenderungan yang melampau.

15

Hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"بَدَأَ الْإِسْلَامُ غَرِيبًا وَسَيَعُودُ كَمَا بَدَأَ غَرِيبًا. فَطُوبَى لِلْغُرَبَاءِ"

16

"Islam datang dalam keadaan yang asing, akan kembali pula dalam keadaan asing. Sungguh beruntunglah orang yang asing"

(Riwayat Muslim).

17

Mengambil inspirasi daripada surah al-Kahfi ayat 13 dan 14 sebagaimana yang telah dibacakan pada awal khutbah, mengisahkan tentang 'ashabul kahfi' sekumpulan pemuda yang sabar dan teguh dalam mempertahankan akidah mereka meskipun menghadapi ancaman dan tekanan. Dengan keberanian luar biasa, mereka menyatakan:

"Tuhan kami ialah Tuhan yang mencipta serta mentadbir langit dan bumi. Kami tidak sekali-kali akan menyembah Tuhan selain daripada-Nya!"

18



<p>Keteguhan keimanan <i>'ashabul kahfi'</i> wajar dijadikan teladan oleh para remaja, pemuda-pemudi dan seluruh umat Islam agar berbangga menyatakan, "Aku seorang Muslim!". Individu yang beriman akan tetap kental memegang prinsip Islam tanpa rasa malu atau ragu. Dengan penuh keberanian,</p>	19
<p>kita seharusnya menyatakan dengan tegas apabila diajak kepada perkara yang diharamkan agama:</p> <p><i>"Agama saya tidak mengizinkan perbuatan ini! Saya melaksanakan kewajipan tersebut kerana ia adalah perintah Allah SWT dan Rasul-Nya! Saya meninggalkan perkara yang salah kerana takut akan kemurkaan-Nya".</i></p>	20
<p>Sejarah membuktikan bahawa umat Islam pernah menjadi peneraju kepada perkembangan ilmu pengetahuan yang mengubah haluan dunia. Berapa banyak khazanah ilmu Islam telah dirampas, dihilangkan, dan dibawa lari oleh musuh-musuh Islam. Hakikatnya, ilmu yang kini menjadi rujukan global sebenarnya berakar daripada pemikiran cendekiawan Islam terdahulu. Hari ini, dunia menyaksikan bagaimana negara-negara maju menggunakan adunan prinsip-prinsip dan formula cendekiawan Islam lampau untuk mencipta kehebatan mereka. Dengan menguasai ilmu, kini mereka mampu melahirkan inovasi, membentuk tamadun tersendiri dan menguasai dunia melalui kuasa teknologi dan ekonomi.</p>	21



Oleh itu, janganlah diabaikan kepentingan menuntut ilmu semata-mata untuk mengejar sedikit wang atau memenuhi kehendak diri. Kembalikanlah kekuatan dan ketamadunan negara tercinta dengan remaja muslim yang kembali mengutamakan dan memelopori ilmu agama dan ilmu dunia. Dengan ilmu yang menjadi penyuluh kebenaran, remaja muslim bukan sahaja jauh lebih berkualiti, bahkan mampu meraih kejayaan di dunia dan akhirat.

22

Sebagaimana yang pernah diungkapkan oleh Imam Syafie Rahimahullah:

"Sesiapa yang menginginkan dunia, maka hendaklah dia menuntut ilmu. Sesiapa yang menginginkan akhirat, maka hendaklah dia menuntut ilmu. Dan sesiapa yang menginginkan keduanya, maka hendaklah dia menuntut ilmu"

23

Rasulullah SAW juga sangat menekankan kepentingan menuntut ilmu dalam membentuk peribadi yang mulia dan masyarakat yang sejahtera. Hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

24

وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ

"Dan sesiapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu maka Allah SWT akan memudahkan baginya jalan untuk ke Syurga".

25

(Riwayat Muslim).



Oleh itu, wahai remaja muslim, tuntutlah ilmu dengan bersungguh-sungguh, janganlah disia-siakan usia muda dengan propaganda dan keindahan dunia yang sementara.

26

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah sama-sama kita menghayati dan mengambil pengajaran seperti berikut:

1. Remaja hendaklah berbangga dengan identiti sebagai seorang muslim, memperakui dengan penuh yakin 'Aku seorang Muslim' dan berpegang teguh kepada syariat Islam.
2. Remaja hendaklah membangunkan dirinya dengan ilmu, menjaga ibadah dan berpegang teguh dengan akhlak Islam untuk menjadi insan yang berjaya.
3. Remaja hendaklah memanfaatkan masa muda, kesihatan dan masa lapang sebaik-baiknya untuk kebaikan diri, keluarga dan masyarakat serta memberikan sumbangan terhadap agama dan negara.

27

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾ لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ ﴿١٦٣﴾

28

"Katakanlah sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbir sekalian alam. Tiada sekutu bagi-Nya, dan dengan yang demikian sahaja aku diperintahkan, dan aku (di antara seluruh umatku) adalah orang Islam yang awal pertama (yang berserah diri kepada Allah dan mematuhi perintah-Nya)".

29

(Surah al-An'am: 162-163)



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
	اللَّهُمَّ اصْلِحْ أُمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَوَلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ



<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،</p>	7
<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.</p>	8
<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكَوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،</p>	9
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظَفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	10
<p>Ya Allah! kami berindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, dari buruknya takdir dan dari kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan-Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri kami dari datangnya bencana dan malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan Masjid Al Aqsa di Palestin.</p>	11



<p>Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	12
<p>Ya Allah! Bukankanlah pintu hati umat Islam khususnya di Negeri Selangor untuk menunaikan zakat dengan penuh keikhlasan. Limpahkanlah keberkatan kepada mereka yang melaksanakan kewajipan zakat pada harta, pendapatan, dan keluarga mereka. Jauhkanlah mereka dari segala musibah dan kesulitan dan jadikanlah zakat sebagai salah satu jalan mereka meraih rahmat-Mu dan balasan syurga yang abadi di akhirat kelak.</p>	13
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾</p>	14
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	15
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِيدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيْكُمْ وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	16



Khutbah Jumaat 10 Januari 2025M / 10 Rejab 1446H: "Remaja Muslim Hebat"
Jabatan Agama Islam Selangor